

17 JUN 2003

Mahathir-Tradisi

KEKALKAN TRADISI TIMBALAN PRESIDEN TAK DICABAR, KATA PM

KUALA LUMPUR, 17 Jun (Bernama) -- Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melahirkan harapan supaya diteruskan tradisi parti sesiapa yang dilantik menjadi timbalan presiden, tidak dicabar.

"Saya harap, mengikut tradisi Umno apabila timbalan presiden dipilih, maka selepas itu dia tidak dicabar lagi walaupun tradisi ini pernah dipecah oleh sesetengah orang," katanya.

Beliau memberikan contoh bagaimana beliau menang tanpa bertanding untuk jawatan timbalan presiden parti setelah dilantik sebagai timbalan perdana menteri dulu.

"Apabila Datuk (Tun) Hussein Onn jadi perdana menteri (ketiga dulu), dia pilih saya sebagai timbalan perdana menteri. Tetapi saya tak jadi timbalan presiden Umno.

"Bila sampai masa nak mengadakan pemilihan, saya dicalonkan untuk jadi timbalan presiden parti dan tidak ada cabaran," katanya pada persidangan berita selepas menyampaikan amanat pada Majlis Taklimat Presiden sempena perhimpunan agung Umno ke-57 bermula Khamis ini.

Beliau mengulas komitmen ketiga-tiga naib presiden Umno untuk tidak mencabar sesiapa yang dipilih sebagai timbalan presiden parti pada pemilihan Umno yang dijadual berlangsung tahun depan.

"Mereka (naib-naib presiden) boleh memberi pengakuan tetapi ada yang bukan menjadi naib presiden mungkin akan mencabar mereka (timbalan presiden). Dalam parti kita tak kata tak ada cabaran sama sekali," katanya.

Apabila dibangkitkan bahawa jawatan timbalan presiden secara teknikalnya boleh dipertandingkan ekoran kekosongan selepas Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi memegang jawatan presiden, Dr Mahathir berkata:

"Sebelum dia dipilih (timbalan presiden baru dinamakan), pertandingan boleh diadakan. Tetapi selepas dia dipilih, tradisinya ialah dia tidak dicabar."

Perdana Menteri berkata jika jawatan nombor dua parti dicabar (selepas seorang itu telah dinamakan), keadaan akan menjadi rumit.

"Yang dah jadi timbalan perdana menteri kena tukar, yang ini kata dia dah jadi timbalan presiden parti kenalah jadi jadi timbalan perdana menteri dan semua itu, dan lain-lain perkara lagi," tambahnya.

-- BERNAMA

MAM JM KHY MOZ